

IVR FAQ - Bahasa Malaysia

- 1) **Apakah itu Perbankan Telefon Interaktif?**
Perbankan Telefon Interaktif adalah platform 24 jam yang menawarkan perkhidmatan perbankan automatik kepada pelanggan melalui fungsi layan diri untuk mengakses maklumat akaun perbankan mereka secara selamat dengan menggunakan nombor kad pengenalan mereka serta IVR OTP atau 6-digit terakhir nombor kad atau akaun apabila mereka menghubungi nombor talian umum kami iaitu 03-7626 8899.
- 2) **Bagaimanakah cara untuk mendaftar Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank?**
Tiada pendaftaran diperlukan untuk Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank. Anda hanya perlu mendaftar atau mengemas kini nombor mudah alih anda untuk menerima IVR OTP.
- 3) **Apakah itu IVR OTP?**
IVR OTP adalah kod unik 6-digit yang akan dihantar melalui SMS ke nombor mudah alih pelanggan yang didaftarkan untuk TAC atau OTP.
- 4) **Bagaimanakah caranya untuk saya mendaftar IVR OTP?**
Tiada pendaftaran diperlukan untuk IVR OTP. Anda hanya perlu mendaftar atau mengemas kini nombor mudah alih untuk TAC atau OTP.
- 5) **Apakah perbezaan di antara TAC dan OTP?**
Kedua-duanya adalah kod keselamatan 6-digit yang unik, yang dihantar ke nombor mudah alih berdaftar pelanggan melalui SMS.
TAC bermaksud "Kod Kebenaran Transaksi" yang dihantar kepada pelanggan untuk melengkapkan transaksi perbankan dalam talian atau penyelenggaraan akaun mereka melalui Hong Leong Connect, dan OTP merujuk kepada "One Time Password" yang dihantar kepada pelanggan apabila membuat pembelian atau transaksi dalam talian menggunakan kad debit atau kad kredit."
- 6) **Bagaimanakah saya boleh mengemas kini atau mendaftarkan nombor mudah alih saya untuk TAC?**
Anda boleh mendaftar atau mengemas kini nombor telefon bimbit anda untuk TAC dengan mengunjungi mana-mana cawangan Hong Leong Bank.

**Peringatan: Untuk pelanggan antarabangsa atau pelanggan di luar negara, sila hubungi perkhidmatan pelanggan kami di +603-7626 8899.
- 7) **Bagaimanakah saya boleh mengemas kini atau mendaftarkan nombor mudah alih saya untuk OTP?**
Anda boleh mendaftar atau mengemas kini nombor mudah alih anda untuk OTP dengan menghubungi perkhidmatan pelanggan kami di +603-7626 8899.
- 8) **Apakah ciri-ciri utama yang ditawarkan oleh Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank?**
Anda boleh mengakses maklumat akaun simpanan, akaun semasa, kad kredit, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi serta akaun sewa beli dengan mudah melalui telefon bimbit, telefon rumah mahupun telefon pejabat.
- 9) **Siapakah yang layak untuk menggunakan Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank?**
Perkhidmatan Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank boleh digunakan oleh semua pelanggan yang mempunyai akaun semasa atau simpanan, kad kredit, kemudahan pinjaman dengan Bank.
- 10) **Saya mempunyai akaun bank, tetapi saya tidak mempunyai Kad ATM atau Kad Debit. Bolehkah saya mendaftar untuk Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank?**
Anda boleh menggunakan Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank dan mengakses akaun bank anda tanpa mendaftar atau memerlukan kad ATM atau Debit.
- 11) **Saya hanya mempunyai kad kredit dan tiada akaun bank yang lain. Bolehkah saya mendaftar untuk Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank?**
Perbankan Telefon Interaktif kami tidak memerlukan pendaftaran. Anda boleh menggunakan Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong Bank untuk mengakses maklumat kad kredit anda.
- 12) **Adakah penggunaan Perbankan Telefon Interaktif Hong Leong dikenakan sebarang bayaran?**
Tiada kos tambahan akan dikenakan ke atas anda untuk penggunaan Perbankan Telefon Interaktif kami. Caj panggilan mungkin akan dikenakan kepada anda apabila menghubungi talian umum kami, dan ianya tertakluk kepada terma serta caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih anda.
- 13) **Adakah IVR OTP yang dihantar untuk pengesahan dikenakan sebarang bayaran?**
Tidak. SMS yang dihantar untuk IVR OTP adalah percuma.